

Saya, George Tan UM 12 1980 1986 tiada urusan – PM

KUALA LUMPUR 11 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang namanya disebut dalam laporan BMF menegaskan, beliau tidak mempunyai sebarang urusan dengan George Tan, Pengerusi Kumpulan Carrian sama ada sebagai Perdana Menteri, pegawai UMNO atau atas sifat peribadi.

Nama timbalannya, Datuk Musa Hitam juga disebut. Menurut laporan BMF, nama Datuk Musa telah digunakan dalam satu percubaan membeli sebuah Syarikat Perkapalan Hong Kong yang hendak dijual kepada Kerajaan Malaysia untuk mendapat keuntungan.

Seorang lagi anggota kabinet yang disebut dalam laporan itu ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau dikaitkan dalam satu usaha untuk membeli sebuah bangunan, Gammon House di Hong Kong oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1980.

Selain dari mereka bertiga, tidak ada anggota kabinet lain yang disebut dalam laporan itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir, Datuk Musa dan Tengku Razaleigh telah pun memberi penjelasan bertulis masing-masing kepada Bank Bumiputra secara berasingan. Jawapan-jawapan mereka dimuatkan dalam kertas putih BMF yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini. (Lihat jawapan penuh mereka di muka 7).

Beri taklimat

Dalam jawabannya, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan: "UMNO Malaysia tidak pernah menerima sebarang sumbangan dalam apa bentuk sekalipun sama ada daripada George Tan, pegawai-pegawai BMF atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengan mereka atau sesiapa daripada mereka."

Beliau berkata adalah menjadi kebiasaan bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan dan para eksekutif syarikat-syarikat kerajaan menemuinya untuk memberi taklimat mengenai kerja-kerja di bawah jagaan masing-masing.

"Ada kalanya saya memberi beberapa arahan kepada mereka, tetapi saya tidak terlibat dalam pelaksanaan sebenar sesuatu arahan itu," tegasnya.

Mengenai kes BMF, Perdana Menteri berkata beliau pada mulanya mengetahui perkara tersebut apabila pihak akhbar melaporkannya.

"Selepas itu saya diberi taklimat secara kasar mengenai perkara itu oleh pengerusi Bank Bumiputra dan Bank Negara," ujarnya.

Dalam salah satu daripada taklimat itu, Pengerusi Bank Bumiputra memberitahu Perdana Menteri mengenai tindakan-tindakan bank tersebut untuk mendapatkan semula wang sebanyak yang mungkin daripada George Tan sendiri dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya.

SAYA GEORGE TAN TIADA URUSAN — PM

"Saya bersetuju dengan tindakan itu. Walau bagaimanapun, saya tidak diberitahu mengenai butiran-butiran dan tidak terlibat dalam apa cara sekalipun dalam pelaksanaan tindakan itu," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Tentang percubaan menggunakan nama Datuk Musa untuk membeli sebuah Syarikat Perkapalan Hong Kong, laporan BMF berkata, percubaan itu tidak menjadi kenyataan.

Salah seorang Eksekutif Bank Bumiputra, Dr. Rais Saniman berkata dalam satu temubual, Datuk Musa telah berkata "terpulang kepada anda semua" ketika beliau membincangkan penjualan Grand Marine Holdings

(GMH) Limited oleh George Tan.

Dr. Rais juga menjelaskan bahawa beliau menemui jawatankuasa penyiasat untuk menerangkan tentang khabar angin yang meluas tersebar ketika satu perhimpunan agung UMNO bahawa Datuk Musa mempunyai kaitan dengan GMH.

Datuk Musa dalam jawapannya bertarikh 18 Februari 1986 pula berkata, beliau pernah menahan Dr. Rais dari memberitahunya tentang urusan perniagaan peribadinya di Hong Kong dalam satu pertemuan mereka yang bertujuan membincangkan perkara-perkara rasmi.

Tengku Razaleigh pula menafikan bahawa beliau mengetahui atau terlibat dengan usaha membeli Gammon House di Hong Kong oleh Kerajaan Malaysia. Beliau menyifatkan dakwaan itu sebagai fitnah besar yang mungkin bermaksud jahat.

Tengku Razaleigh, yang menjadi Menteri Kewangan semasa berlakunya skandal pinjaman \$2.5 bilion BMF menegaskan, beliau tidak pernah melantik pada bila-bila masa pun orang-orang perseorangan sebagai agen Kerajaan Malaysia untuk membeli hartanah di Hong Kong.

Beliau berkata perbuatan sedemikian sudah tentu bertentangan dengan prosedur dan amalan Kerajaan Malaysia.